

F-Secure Mobile Security™ for S60

1. Memasang dan mengaktifkan

Versi sebelum ini Anda perlu menyahpasang versi F-Secure Mobile Anti-Virus sebelum ini. Periksa tetapan F-Secure Mobile Security selepas anda memasang versi yang baru.

Memasang **Untuk memasang:**

- Muat turun fail pemasangan kepada komputer anda dan gerakkannya kepada peranti,
- Muat turun fail pemasangan kepada komputer anda dan pasang produk melalui Nokia PC Suite, atau
- Muat turun pemasangan secara terus pada peranti anda. Pemasangan bermula secara automatik.

Selepas pemasangan, mulakan semula peranti jika pemasangan meminta anda melakukan sedemikian. Apabila pemasangan bersedia, anda perlu mengaktifkan produk tersebut. Produk ini tidak akan melindungi peranti anda jika anda belum mengaktifkannya.

Pengaktifan **Untuk memulakan pengaktifan:**

1. Buka aplikasi. Skrin Selamat Datang akan terpapar.
2. Tekan **Teruskan**.
3. Pilih jenis pengaktifan:
 - Untuk mengaktifkan produk hanya dengan mengaktifkan ciri Anti-kecurian, pilih **Anti Kecurian sahaja** sebagai jenis pengaktifan dan tekan **Teruskan**.
 - Untuk memiliki versi berlesen penuh, pilih **nombor Langganan** sebagai jenis pengaktifan dan tekan **Teruskan**. Masukkan nombor langganan anda dan tekan **OK**.
4. Tekan **Ya** dan pilih pusat akses Internet untuk menyambung kepada perkhidmatan kemas kini dan mula memuat turun kemas kini. Aplikasi bersambung kepada perkhidmatan kemas kini dan menyerahkan nombor langganan anda. Semasa kemas kini pertama, aplikasi memuat turun pangkalan data definisi virus yang terkini.
5. Selepas produk telah memuat turun semua kemas kini yang diperlukan, aplikasi itu sudah lengkap. Tekan **Teruskan** untuk menamatkan pengaktifan.

Selepas menamatkan pengaktifan, imbas peranti anda untuk virus bagi memastikan peranti anda adalah bersih. Lihat bahagian [Mengimbas untuk virus](#) di bawah.



Anda harus mengimbas peranti anda apabila aplikasi meminta anda untuk mengimbas.

2. Mengimbas untuk virus

Aplikasi F-Secure Mobile Security berfungsi di latar belakang dan mengimbas fail anda secara automatik.

1. F-Secure Mobile Security akan memaklumkan kepada anda jika ia menjumpai virus semasa imbasan masa nyata. Tekan **Ya** untuk melihat fail yang dijangkiti dengan segera atau Tidak **Tidak** untuk melihatnya kemudian.
2. Paparan jangkitan mengandungi senarai fail dijangkiti pada peranti dan sama ada fail tersebut sekarang di kuarantin atau dibebaskan.

Untuk melihat lagi butiran mengenai fail yang dijangkiti:

1. Tatal ke fail yang dijangkiti dan tekan kekunci pemilihan.
2. Pilih **Lihat**.
3. Paparan butiran jangkitan memaparkan laluan dan nama fail bagi fail yang dijangkiti dan nama virus yang telah menjangkiti fail tersebut.

Memproses fail yang dijangkiti

Untuk memproses fail yang dijangkiti:

1. Dalam paparan jangkitan, tatal ke fail yang dijangkiti yang anda hendak proses.
2. Tekan kekunci pemilihan.
3. Pilih satu daripada tindakan berikut:
 - **Padam** - padam fail yang dijangkiti. Ini adalah pilihan yang disyorkan. Fail akan dialih keluar sepenuhnya dari peranti anda.
 - **Kuarantin** - kuarantinkan fail yang dijangkiti jika ia belum dikuarantin. Fail terkuarantin adalah terkunci dan tidak boleh mengancam peranti anda apabila F-Secure Mobile Security dihidupkan.
 - **Bebas** - bebaskan fail terkuarantin. Jika anda membebaskan fail, ia tidak akan dikunci lagi. Anda mengaksesnya dengan risiko anda sendiri.

3. Mengelakkan trafik rangkaian yang tidak dibenarkan

Firewall dalam F-Secure Mobile Security berfungsi secara senyap dalam latar belakang. Ia memantau trafik Internet dan rangkaian masuk dan keluar, serta melindungi anda daripada percubaan gangguan. Tahap firewall dipratifikasikan membolehkan anda menukar paras perlindungan mengikut keperluan anda.


Memilih tahap keselamatan

Untuk memilih tahap keselamatan:

1. Semak imbas kepada **Tetapan** dan tekan kekunci pemilihan.
2. Pilih **Firewall** daripada senarai pemilihan tetapan.
3. Pilih paras firewall yang dikehendaki:
 - **Nafikan Semua** - menyekat semua trafik rangkaian.
 - **Tinggi** - membolehkan aplikasi yang biasa digunakan dan menyekat semua trafik masuk.
 - **Normal** - membolehkan semua sambungan keluar dan menyekat semua trafik masuk.
 - **Benarkan Semua** - benarkan semua trafik rangkaian.
 - **Tersuai** - membolehkan trafik rangkaian berdasarkan peraturan tersuai anda. Untuk mengedit set peraturan tersuai, pilih **Opsyen > Edit peraturan tersuai** apabila paras keselamatan **Tersuai** dipilih.

4. Melindungi maklumat sulit

Dengan Anti-Theft, anda boleh memastikan peranti anda atau data yang disimpan padanya tidak disalah gunakan jika peranti anda dicuri.


-  Oleh sebab kad memori boleh dialih keluar dengan mudah, simpankan maklumat sulit anda dalam memori peranti yang anda boleh mengunci dan mengelap dengan Anti-Theft.

Menggunakan kunci peranti

Anti-Theft boleh mengunci peranti anda secara automatik apabila kad SIM dalam peranti ditukar. Peranti yang dikunci boleh dibuka kunci hanya dengan kod kunci anda.

Untuk menyediakan kunci peranti:

1. Semak imbas kepada **Tetapan** dan tekan kekunci pemilihan.
2. Pilih **Anti-Theft** dalam senarai pemilihan tetapan.
3. Masukkan **Kod kunci**. Kod kunci perlu sekurang-kurangnya 5 aksara panjangnya. Simpan di tempat yang selamat.

-  Kod kunci anda melindungi tetapan Anti-Theft. Anda perlu memasukkan kod kunci semasa anda sebelum anda boleh menukar sebarang tetapan Anti-Theft

4. Jika anda ingin mengunci peranti anda apabila kad SIM ditukar, pilih **Ya** pada **Kunci apabila SIM ditukar**.

Menggunakan Anti-theft jauh

Dengan Anti-Theft jauh, anda boleh menghantar mesej teks SMS yang mengandungi kod kunci anda pada peranti anda untuk mencarinya, menguncinya atau mengelap kod untuk mengelap semua maklumat di dalamnya.

Untuk menyediakan kunci jauh:

1. Semak imbas kepada **Tetapan** dan tekan kekunci pemilihan.
2. Pilih **Anti-Theft** dalam senarai pemilihan tetapan.
3. Jika anda ingin untuk boleh mengunci peranti anda dari jauh, ikuti arahan ini:
 - a. Masukkan **Kod kunci** jika anda belum membuatnya lagi.
 - b. Hidupkan **Kunci jauh**.

Peranti yang dikunci boleh dibuka kunci hanya dengan kod kunci anda.


4. Jika anda ingin untuk boleh mengelap peranti anda dari jauh, ikuti arahan ini:
 - a. Masukkan **Kod mengelap**. Kod lap perlu sekurang-kurangnya 8 aksara panjangnya. Simpan di tempat yang selamat.
 - b. Hidupkan **Mengelap jauh**.

Apabila peranti dilap, semua data yang disimpan padanya dikeluarkan.

Untuk mengunci atau mengelap peranti anda dari jauh:

Hantar mesej teks SMS berikut ke peranti anda.

- Untuk mengunci peranti, hantar:
#LOCK#<kod kunci> (Contohnya: #LOCK#abcd1234)
- Untuk mengelap peranti, hantar:
#WIPE#<kod mengelap> (Contohnya: #WIPE#abcd1234)
- Untuk mencari peranti, hantar:
#LOCATE#<kod kunci> (Contohnya: #LOCATE#abcd1234)

-  Anti-Theft tidak menyimpan sebarang data lokasi, hanya maklumat lokasi berada dalam mesej teks SMS yang dihantar kepada anda.

5. Melindungi semak imbas web

Perlindungan semak imbas melindungi anda daripada laman web yang mungkin mencuri maklumat peribadi anda, termasuk nombor kad kredit, maklumat akaun pengguna, dan kata laluan.

Perlindungan semak imbas memeriksa laman web yang anda semak imbas dengan penyemak imbas lalai peranti anda. Jika anda menggunakan penyemak imbas pihak ketiga, Perlindungan semak imbas tidak melindungi semak imbas web anda.



Matikan penyemak imbas web dan kosongkan cache sebelum anda mula menggunakan perlindungan semak imbas.

Untuk menghidupkan perlindungan Semak imbas:

1. Semak imbas kepada **Tetapan** dan tekan kekunci pemilihan.
2. Pilih **Perlindungan semak imbas** dalam senarai pemilihan tetapan.
3. Hidupkan **Perlindungan semak imbas**.
4. Dalam **Rangkaian untuk digunakan**, pilih sama ada anda hendak menggunakan perlindungan Semak imbas setiap masa atau hanya apabila anda menyemak imbas web pada rangkaian operator anda sendiri:
 - Pilih **Operator saya sahaja** untuk menggunakan perlindungan Semak imbas hanya apabila anda menggunakan rangkaian operator anda sendiri.
 - Pilih **Semua operator** untuk menghidupkan perlindungan apabila anda merantai dan berada di luar rangkaian operator anda sendiri.

Mod peribadi

Perlindungan semak imbas boleh menghantar maklumat laman web yang mengandungi kandungan yang berbahaya ke analisis secara automatik untuk mengekalkan kualiti perkhidmatan. Anda boleh memilih maklumat yang mana anda hendak serah ke analisis.

Untuk menukar mod peribadi:

1. Semak imbas kepada **Tetapan** dan tekan kekunci pemilihan.
2. Pilih **Tetapan lain** dalam senarai pemilihan tetapan.
3. Dalam mod Privasi, pilih
 - Pilih **Statistik sahaja** untuk menyerahkan hanya statistik perlindungan semak imbas dan maklumat sambungan pelayan.
 - Pilih **Benarkan semua** untuk menyerahkan statistik dan maklumat pada laman web yang belum di analisis atau mengandungi kandungan yang berbahaya.



*Untuk perkhidmatan kualiti terbaik, kami menyarankan anda membiarkan mod peribadi sebagai **Benarkan semua**.*

Pernyataan Privasi

Menyerahkan maklumat tidak akan mengkompromikan privasi anda.

Walaupun maklumat yang diserahkan dianggap sebagai peribadi di bawah beberapa bidang kuasa, privasi anda akan dilindungi semasa proses ini. Kami memindahkan maklumat dengan selamat, mengalihkan sebarang maklumat peribadi yang tidak diperlukan dan memproses maklumat secara sulit dalam format keseluruhan. Dengan cara ini, maklumat tidak boleh dikaitkan dengan anda dengan apa cara sekalipun. Tiada maklumat akaun pengguna, tiada maklumat alamat IP, atau tiada maklumat lesen disertakan dalam maklumat yang anda serahkan. Kami melindungi privasi anda selanjutnya menggunakan penyulitan apabila memindahkan maklumat.

Maklumat yang diserahkan digunakan untuk meningkatkan kebolehan perlindungan perkhidmatan dan produk kami.

6. Memastikan produk terkemas kini

Kemas kini automatik

F-Secure Mobile Security merangkumi perkhidmatan kemas kini automatik, yang bermaksud pangkalan data definisi virus dalam aplikasi dikemas kini secara tetap. Hanya pangkalan data definisi virus terkemas kini yang akan melindungi peranti anda daripada virus terkini. Kemas kini automatik adalah dalam penggunaan selepas anda mengaktifkan produk.

Aplikasi memerlukan sambungan Internet yang aktif untuk kemas kini. Apabila sambungan ke Internet tersedia, aplikasi memeriksa bila pangkalan data definisi virus terakhir dikemas kini dan memuat turun kemas kini baru jika perlu.

Kemas kini manual

Untuk mengemas kini aplikasi secara manual:

1. Semak imbas kepada **Perlindungan virus** dan tekan kekunci pemilihan.
2. Pilih **Kemas kini sekarang..**
3. Pilih pusat akses Internet untuk menyambung ke pelayan kemas kini. Aplikasi memuat turun pangkalan data definisi virus terkini dan menggunakannya dengan serta-merta.
4. Apabila kemas kini telah selesai, tekan **Ya** untuk mengimbas peranti anda untuk virus jika anda digesa untuk berbuat demikian. Lihat bahagian **Mengimbas untuk virus** di atas.

Kemas kini versi

Apabila versi F-Secure Mobile Security yang baru tersedia, terdapat satu mesej meminta anda memuat turunkannya. Aplikasi akan memula semula secara automatik apabila kemas kini telah lengkap.

Sokongan teknikal

Paparan utama antara muka pengguna memaparkan gambaran keseluruhan keselamatan dan status semasa.

Jika status memaparkan bahawa peranti anda tidak dilindungi, ikut arahan ini:

1. Semak imbas kepada **Gambaran keseluruhan keselamatan** dan tekan kekunci pemilihan.
2. Pilih item sama ada dengan ikon status merah atau kuning dan tekan kekunci pemilihan untuk menyelesaikan isu.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, muat turun *F-Secure Mobile Security for S60 User's Guide* (boleh didapati dalam Bahasa Inggeris) di <http://mobile.f-secure.com/>

Jika anda mempunyai soalan tentang aplikasi yang tidak dicakupi dalam panduan atau perkhidmatan dalam talian, anda boleh secara terus menghubungi pengedar tempatan F-Secure atau F-Secure Corporation.

PENAFIAN

"F-Secure" dan simbol segitiga merupakan tanda niaga berdaftar F-Secure Corporation dan nama produk serta simbol/logo F-Secure adalah sama ada tanda niaga atau tanda niaga berdaftar F-Secure Corporation. Semua nama produk yang dirujuk disini adalah tanda niaga atau tanda niaga berdaftar untuk syarikat masing-masing. F-Secure Corporation menafikan kepentingan hak milik dalam tanda-tanda dan nama-nama lain. Walaupun F-Secure Corporation berusaha untuk memastikan ketepatan maklumat ini, F-Secure Corporation tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesilapan atau kesingkiran fakta yang terkandung di sini. F-Secure Corporation memelihara hak untuk mengubahsuai spesifikasi ternyata dalam dokumen ini tanpa notis awal.

Syarikat, nama dan data digunakan dalam contoh di sini adalah rekaan kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Tiada bahagian dokumen ini boleh dihasilkan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, elektronik atau mekanikal, untuk sebarang tujuan, tanpa kebenaran bertulis daripada F-Secure Corporation.

Produk ini mungkin dicakupi oleh satu atau lebih paten F-Secure, termasuk yang di bawah:
GB2353372, GB2366691, GB2366692, GB2366693, GB2367933, GB2368233, GB2374260

Hakcipta © 2009 F-Secure Corporation. Semua hak terpelihara

